

Modul PdP Melalui "Key Point"

4.2 Kod Arah HTML

- HTML ialah singkatan bagi *Hyper Text Markup Language*. Kod HTML ditaip menggunakan aplikasi Notepad dan disimpan dengan sambungan ".html" atau ".htm".

Melakar Papan Cerita

- Papan cerita adalah siri lakaran yang menggambarkan isi kandungan untuk setiap paparan skrin dalam laman sesawang.
- Langkah-langkah melakar papan cerita ialah:
 - (a) Mengumpul semua maklumat yang dikehendaki.
 - (b) Susun maklumat mengikut topik.
 - (c) Tentukan tajuk utama, tajuk kecil, dan isi kandungan setiap laman.
 - (d) Rancang struktur maklumat dan pautan lawan sesawang.
 - (e) Reka bentuk struktur menu.
 - (f) Rancang rupa dan reka bentuk laman.
 - (g) Lakarkan aliran pautan bagi kesemua laman dalam tapak sesawang.

Tag dalam HTML

- `<html></html>`: Tag ini akan memaklumkan kepada pelayar web bahawa dokumen ini adalah fail html.
- `<head></head>`: Tag ini adalah bahagian kepala atur cara HTML.
- `<title></title>`: Tag ini, jika diisi akan memaparkan tajuk dokumen HTML.
- `<body></body>`: Tag ini adalah bahagian kandungan fail HTML iaitu kandungan dokumen seperti teks, imej, pautan dan sebagainya.

Paragraph Headings dalam HTML

Pelbagai Saiz Heading

Heading 1 @ H1

Heading 2 @ H2

Heading 3 @ H3

Heading 4 @ H4

Heading 5 @ H5


Heading 6 @ H6



- *Tag paragraph headings* bermula dengan `<h1>` hingga `<h6>`. Tag `<h1>` akan memaparkan saiz teks terbesar manakala `<h6>` memaparkan saiz terkecil.

Banner, Frame dan Menu dalam HTML

- Berikut menerangkan bahagian *banner*, *menu* dan *frame* dalam laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia.



- *Banner* boleh dibina mengikut langkah berikut:
 - (a) Muat turun logo yang diinginkan.
 - (b) Simpan file dalam bentuk logo.jpg.
 - (c) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (d) Taipkan banner dalam tag `<title></title>`.
 - (e) Taipkan `<banner></banner>` dalam tag `<body></body>`.
 - (f) Taipkan kod arahan `` ke dalam `<banner></banner>`.
 - (g) Klik **File > Save As** dan pilih folder HTML saya, serta tukar nama dokumen kepada banner.html dan **Save**.
- *Frame* terdiri daripada ruang melintang dan ruang menegak atau gabungan kedua-duanya.


- Bagi *frame* melintang, tag *rows* digunakan dalam tag `<frameset>`. Contohnya:

Dua bingkai melintang dibahagikan

Peratusan ruang melintang untuk bingkai

```
<frameset rows="40%, 60%">
```

- Bagi *frame* menegak, tag *cols* digunakan dalam tag `<frameset>`. Contohnya:



- **Menu** menggunakan tags seperti:
 - (a) `<nav></nav>` : mentakrif pautan pengemudian
 - (b) ``: mentakrif senarai tak tertib
 - (c) `` : mentakrif senarai item
- Menu boleh dibina mengikut langkah berikut:
 - (a) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (b) Taipkan Menu1 dalam tag `<title></title>` dan klik **File > Save As** Menu1.html.
 - (c) Tukar Menu1 kepada Menu2 dan simpan sebagai Menu2.html.
 - (d) Ulang langkah untuk hasilkan Menu3.html dan Menu4.html.
 - (e) Buka file baharu dan tuliskan kod arahan di bawah:

```

<html>
<head>
<title>menu</title>
</head>
<body>
<nav>
<ul>
<li><a href="Menu1.html">menu1</a></li>
<li><a href="Menu2.html">menu2</a></li>
<li><a href="Menu3.html">menu3</a></li>
<li><a href="Menu4.html">menu4</a></li>
</ul>
</nav>
</body>
</html>
    
```

- (f) Klik **File > Save As** dan pilih folder HTML saya, serta tukar nama dokumen kepada menu.html dan **Save**.

Pautan Teks dan Imej dalam HTML

- Pautan teks dan imej bertindak sebagai navigasi dalam laman sesawang yang sama atau beberapa laman sesawang dalam tapak sesawang yang sama atau berlainan.
- Langkah-langkah membina pautan teks dalam HTML adalah seperti berikut:
 - (a) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (b) Taipkan kod seperti berikut:



```

pautan teks.html - Notepad
File Edit Format View Help
<html>
<head>
<title>Membina pautan teks</title>
</head>
<body>
<a href="https://ikinzoikifli.wordpress.com/jenis-jenis-warisan/tarian/">
Jenis tarian di malaysia
</a>
</body>
</html>
    
```

- (c) Klik **File > Save As** untuk menyimpan dokumen sebagai fail HTML.

- Langkah-langkah membina pautan imej dalam HTML adalah seperti berikut:
 - (a) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (b) Taipkan kod seperti berikut:

```

pautan imej.html - Notepad
File Edit Format View Help
<html>
<head>
<title>membina pautan imej</title>
</head>
<body>
<a href="http://tarianmalaysia29.blogspot.my/">

</a>
</body>
</html>
    
```

- (c) Klik **File > Save As** untuk menyimpan dokumen sebagai fail HTML.

Memasukkan Imej dalam HTML

- Langkah-langkah memasukkan imej dalam HTML adalah seperti berikut:
 - (a) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (b) Pilih satu imej dan namakan sebagai imej.jpeg.
 - (c) Taipkan kod seperti di bawah:

```


imej.html - Notepad
File Edit Format View Help
<html>
<head>
<title> </title>
</head>
<body>

</body>
</html>
    
```


- (d) Klik **File > Save As** untuk menyimpan dokumen sebagai fail HTML.

Pull-down menu dalam HTML

- **Pull-down menu** turut dikenali sebagai *drop-down menu*, *drop-down list* dan *drop-down box*.
- Tags yang terlibat dalam membina *pull-down menu* ialah:
 - (a) Tag `<select></select>`: untuk menghasilkan *pull-down menu*.
 - (a) Tag `<option>`: dimasukkan dalam tag `<select>` untuk menunjukkan jenis pilihan yang ada.
- *Pull-down menu* boleh dibina mengikut langkah berikut:
 - (a) Taipkan kod arahan asas HTML.
 - (b) Masukkan tag `<select></select>` dalam tag `<body></body>`.
 - (c) Taipkan kod seperti di bawah:



- (d) Ulangi tag `<option>` untuk 5 jenis buah yang lain seperti ditunjukkan di bawah:



- (e) Klik **File > Save As** untuk menyimpan dokumen sebagai fail HTML.

Ruang Komen dalam HTML

- Ruang komen bertujuan untuk membolehkan pengunjung memberi maklum balas.

Tag `<form>` membenarkan ruang komen disediakan pada pelayar web

Tag `<textarea>` digunakan untuk mengisi teks panjang

```

<form method='post'>
  Komen:<p>
    <textarea name='komen'id='komen'>
    </textarea>
  </p>
  <input type="submit" value="hantar">
</form>

```

Tag `<input>` membolehkan pengguna menghantar input yang dimasukkan

Mengesan Ralat

- Langkah-langkah untuk mengesan ralat pada atur cara ialah:
 - (a) **Uji lari** atur cara yang dibina.
 - (b) **Bandingkan** laman sesawang yang dipaparkan oleh pelayar web dengan apa yang dijangkakan. Kenal pasti ralat.
 - (c) **Teliti semula** kod-kod HTML.
 - (d) **Baiki ralat** pada atur cara HTML.

Membina Laman Sesawang yang Interaktif


- Ringkasan langkah-langkah untuk membina laman sesawang interaktif ialah:
 - (a) Pilih topik dan tajuk laman sesawang.
 - (b) Kumpulkan maklumat-maklumat.
 - (c) Lancarkan perisian aplikasi Notepad.
 - (d) Layari laman sesawang yang telah dibina.
 - (e) Baiki ralat (sekiranya ada).
 - (f) Layari Internet.
 - (g) Muat naik fail.
 - (h) Lawat tapak sesawang yang telah siap dibina.

Latih Tubi Subtopik (Gabungan Pemahaman, Standard Prestasi & PT3)

4.2 Kod Arahan HTML

- SP
- Melakar papan cerita untuk membina laman sesawang yang menggunakan kod arahan HTML
 - Menggunakan tag dalam atur cara HTML: <head>, <title>, <body> dan <paragraph>
 - Menggunakan paragraph headings dalam atur cara HTML yang dibina
 - Menggunakan atur cara HTML untuk menghasilkan Banner, Frame dan Menu
 - Membina pautan teks dan imej dalam atur cara HTML
- Menulis atur cara untuk memasukkan imej dalam atur cara HTML
 - Menghasilkan pull-down menu melalui atur cara HTML
 - Menghasilkan ruang komen melalui atur cara HTML
 - Mengesan sebarang ralat yang berlaku dalam atur cara HTML yang dibina
 - Membina laman sesawang interaktif yang memaparkan Banner, Menu, Ruangan Komen, Frame dan Pull-down menu

1 Mei Mei telah ditugaskan untuk membina satu laman sesawang sempena Minggu Alam Sekitar yang diadakan di sekolahnya. Bantu Mei Mei melaksanakan tugasannya dengan mencadangkan papan cerita yang logik bagi laman sesawang tersebut. **TP 1**



Berdasarkan jawapan murid

Kod Arahan HTML	Melakar papan cerita yang logik untuk laman sesawang yang dibina.	TP 1	Belum Menguasai	Menguasai	
------------------------	---	-------------	------------------------	------------------	--

- 2 Mimie mahu membina laman sesawang tentang punca-punca masalah disiplin pelajar. Berikut menunjukkan teks kandungan yang mahu dipaparkan pada muka depan laman sesawang tersebut.

TP 2

Punca-punca masalah disiplin pelajar

(a) Ibu bapa

Ibu bapa yang lebih mengutamakan kerjaya mereka sehingga alpa akan tanggungjawab mereka dalam mendidik anak

(b) Rakan sebaya

Remaja sering terikut-ikut dengan pengaruh rakan sebaya untuk melakukan perbuatan negatif

- (a) Gunakan tag-tag HTML untuk mempersembahkan teks tersebut. Mimie dikehendaki memasukkan tag *paragraph headings* supaya struktur laman sesawang lebih teratur.

```
<html>
<head>
<title>Punca-punca masalah disiplin pelajar</title>
</head>
<body>
<h1>Punca-punca masalah disiplin pelajar</h1>
<h3>(a) Ibubapa</h3>
<p> Ibu bapa yang lebih mengutamakan kerjaya sehingga alpa akan tanggungjawab mereka
dalam mendidik anak</p>
<h3>(b) Rakan sebaya</h3>
<p> Remaja sering terikut-ikut dengan pengaruh rakan sebaya untuk melakukan perbuatan
negatif</p>
</body>
</html>
```

- (b) Mimie bercadang untuk menambahkan *banner* pada bahagian atas laman sesawangnya bagi menjadikannya lebih menarik. Dia telah memuat turun satu *banner* dan menamakannya sebagai "welcome.jpeg" seperti yang ditunjukkan dalam rajah.



Bagaimanakah *banner* tersebut dapat ditambah menggunakan kod HTML?

```
<html>
<head>
<title>banner</title>
</head>
<body>
<banner>


</banner>
</body>
</html>
```

- (c) Tuliskan kod HTML yang sesuai sekiranya Mimie mahu menukarkan punca masalah disiplin dalam bentuk menu pada laman sesawang tersebut.

```
<html>
<head>
<title>Menu</title>
</head>
<body>
<nav>
<ul>
<li><a href="Ibu bapa.html">Ibu bapa</a></li>
<li><a href="Rakan sebaya.html">Rakan sebaya</a></li>
</ul>
</nav>
</body>
</html>
```

Kod Arahan HTML	Menggunakan tags, meletakkan banner serta menu dalam atur cara HTML dengan betul.	TP 2	Belum Menguasai	Menguasai	
------------------------	---	-------------	------------------------	------------------	--

- 3 (a) Kumar mahu memaparkan maklumat dalam pelbagai saiz seperti dalam rajah. Cadangkan cara yang boleh digunakan oleh Kumar dengan menggunakan kod HTML. **TP 3**




```
<html>
<head>
<title>Headings</title>
</head>
<body>
<p align=center>Pelbagai Saiz
Heading</p>
<h1>heading 1 @ H1</h1>
<h2>Heading 2 @ H2</h2>
<h3>Heading 3 @ H3</h3>
<h4>Heading 4 @ H4</h4>
<h5>Heading 5 @ H5</h5>
</body>
</html>
```

- (b) Tuliskan atur cara HTML yang akan menghasilkan frame seperti dalam rajah di bawah.



```
<html>
<head>
<title>frame</title>
<frameset>
<frameset rows="*,*">
<frame name="frame 1">
<frameset cols="*,*,*">
<frame name="frame 2">
<frame name="frame 3">
<frame name="frame 4">
</frameset>
</frameset>
</head>
</html>
```

- 4 (a) Fizi dikehendaki menghasilkan satu laman sesawang berkaitan dengan tajuk 'Jenis-jenis Tarian di Malaysia'. Dia perlu memasukkan imej, pautan teks serta pautan imej yang sesuai. Menggunakan kod arahan asas HTML yang diberikan di bawah, bantu Fizi menyelesaikan tugasannya. **TP 3**



- (i) Memasukkan imej

```
<html>
<head>
<title> </title>
</head>
<body>

</body>
</html>
```

- (ii) Pautan imej


```
<html>
<head>
<title>membina pautan imej</title>
</head>
<body>
<a
href="http://tarianmalaysia29.blogspot.my/">

</a>
</body>
</html>
```

- (iii) Pautan teks

```
<html>
<head>
<title>Membina pautan teks</title>
</head>
<body>
<a
href="https://ikinzolkipli.wordpress.com/jenis-
jenis-warisan/tarian/">Jenis tarian di malaysia
</a>
</body>
</html>
```


- (b) Untuk mendapat markah tambahan, Fizi perlu menambah *pull-down menu* berserta ruangan komen seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Tuliskan kod arahan yang perlu disediakan oleh Fizi.




```

<html>
<head>
<title>Jenis tarian di Malaysia</title>
<p>Jenis tarian yang ingin dipelajari</p>
</head>
<body>
<select>
  <option value="Tarian zapin">Tarian zapin</option>
  <option value="Tarian bhangra">Tarian bhangra</option>
  <option value="Tarian sumazau">Tarian sumazau</option>
  <option value="Tarian joget">Tarian joget</option>
  <option value="Tarian inang">Tarian inang</option>
  <option value="Tarian kuda kepang">Tarian kuda kepang</option>
</select>
<form method='post'>
<br>
Berikan sebab anda:<br>
<textarea name='komen'id='komen'></textarea><br>
<br>
<button type="button" onclick="alert('Sebab anda telah dihantar')">Hantar!</button>
</form>
</body>
</html>

```

Kod Arahan HTML	Menggunakan heading, frame, membuat pautan, memasukkan imej serta menghasilkan pull down menu dan menambah fitur ruang komen dalam atur cara HTML.	TP 3	Belum Menguasai	Menguasai
------------------------	--	-------------	------------------------	------------------

5 Dokumen berikut akan menunjukkan paparan menu bagi subjek-subjek Tingkatan 1. **TP 4**



```

ralat.txt - Notepad
File Edit Format View Help
<html>
<head>
<title>menu</title>
</head>
<body>
<h3>Subjek Tingkatan 1</h3>
<p>Klik pada menu berikut untuk maklumat lanjut</p>
<nav>
<ul>
<li><a href="Asas Sains Komputer.html"></a></li>
<li><a href="Sains.html"></a></li>
<li><a href="Matematik.html"></a></li>
<li><a href="PJKP.html"></a></li>
</ul>
</nav>
</body>
</html>

```

Walau bagaimanapun, didapati tiada menu yang dipaparkan apabila kod dilancarkan. Kenal pasti ralat yang berlaku dengan menulis semua kod HTML yang betul pada ruang yang disediakan di bawah.


```

Ralat pada tag <li> <a href> </a></li>
<html>
<head>
<title>menu</title>
</head>
<body>
<h3>Subjek Tingkatan 1</h3>
<p>Klik pada menu berikut untuk maklumat lanjut</p>
<nav>
<ul>
<li><a href="Asas Sains Komputer.html">Asas Sains Komputer</a></li>
<li><a href="Sains.html">Sains</a></li>
<li><a href="Matematik.html">Matematik</a></li>
<li><a href="PJKP.html">PJKP</a></li>
</ul>
</nav>
</body>
</html>

```

Kod Arahan HTML	Menunjukkan keupayaan untuk mengesan dan memperbaiki ralat dalam atur cara.	TP 4	Belum Menguasai	Menguasai
------------------------	---	-------------	------------------------	------------------

- 6 (a) Murid dikehendaki memilih satu topik untuk membina satu laman sesawang yang interaktif. Gunakan kemudahan Internet untuk mencari maklumat dan grafik yang menarik berkaitan topik tersebut. Pastikan laman sesawang yang anda bina memaparkan *banner*, *menu*, ruangan komen, *frame* dan *pull-down menu* seperti dalam rajah yang ditunjukkan di bawah. **TP 5 & 6** **KBAT**



- (b) Berdasarkan laman sesawang yang dibina pada Soalan 6 (a), lakukan aktiviti berikut:

Arahan:

Murid dikehendaki untuk:

- membuat justifikasi sama ada cara isi kandungan dan cara penyampaian laman sesawang yang dibina sesuai dengan kehendak pengguna atau tidak.
- mencadangkan penambahbaikan atur cara HTML yang boleh dilakukan. Contohnya, penambahbaikan dari segi kod arahan dan penyampaian (*image / audio*).

Bentangkan hasil kerja anda di hadapan guru secara kreatif dan berinovasi. Guru akan membuat penilaian terhadap hasil kerja murid.

Kod Arahan HTML	Membuat justifikasi dari segi isi kandungan dan cara penyampaian laman sesawang yang dibina sesuai dengan pengguna.	TP 5	Belum Menguasai	Menguasai	
	Menambah baik atur cara HTML yang dibangunkan dengan menggunakan ciri tambahan yang lain untuk menjadikan laman sesawang lebih menarik.	TP 6	Belum Menguasai	Menguasai	

Tahap Penguasaan Bab 4 – 4.2 Kod Arahan HTML					
1	2	3	4	5	6
Nama Murid:		Kelas:		Tarikh: Tandatangan Guru:	

PT3 Bahagian B

7 (a) Amir mahu menghasilkan satu atur cara HTML dengan output seperti dalam rajah.



Tuliskan kod HTML yang perlu disediakan oleh Amir.

```
<html>
<head>
<title> Imej dan pautan imej</title>
</head>
<body>
<h2>Ini ialah imej</h2>
<image src="google.jpg"alt="google"
style="width:128px;height:128px;">
<h2>Ini ialah pautan imej</h2>
<a href="https://www.google.com/"> <image src="google.jpg"> </a>
</body>
</html>
```

[7 markah]

(b) Namakan **tiga** format imej yang digunakan dalam kod arahan HTML.

(i) GIF (.gif)

(ii) JPEG (.jpg)

(iii) PNG (.png)

[3 markah]